

20,000 dijangka hadir berbuka puasa bersama PM
Utusan Online
1 Ogos, 2012

BACHOK 1 Ogos - Lebih 20,000 rakyat dijangka membanjiri Padang Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Perdana dekat sini, untuk menyertai majlis berbuka puasa bersama Datuk Seri Najib Tun Razak yang akan melawat Kelantan pada Ahad ini.

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan, Datuk Dr. Awang Adek Hussin berkata, Perdana Menteri bersama isteri, Datin Seri Rosmah Mansor dijadual tiba untuk bertemu rakyat pada pukul 5 petang.

Beliau berkata, majlis berkenaan memberi peluang kepada rakyat Kelantan pelbagai peringkat beramah mesra dan mendengar amanah yang bakal disampaikan oleh pucuk pimpinan negara itu. - UTUSAN

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20120801/dn_30/20000-dijangka-hadir-berbuka-puasa-bersama-PM